

**SOALAN NO : 98**

Inisiatif ini ditawarkan melalui syarikat-syarikat komunikasi utama negara seperti Celcom, Maxis, Digi dan Telekom Malaysia di mana sehingga kini sebanyak 1,479,323 unit telah diagihkan kepada pengguna-pengguna yang layak.

Selain daripada itu, pihak Kementerian melalui inisiatif Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) telah mengadakan pelbagai bentuk program dan latihan berdasarkan ICT dan keusahawanan secara percuma kepada penduduk setempat. Melalui program tersebut, komuniti setempat diberikan pendedahan dan galakan untuk menggunakan gajet IT bagi menjalankan pelbagai aktiviti seperti mempelajari dan menggunakan kemahiran asas ICT, urusniaga dan pembelajaran atas talian, melayari media sosial, serta pembangunan aplikasi dan kandungan tempatan. Modul pembangunan kemahiran ICT ini dilaksanakan secara kerjasama dengan syarikat ICT terkemuka tempatan dan antarabangsa seperti Syarikat Intel Technology Sdn. Bhd.